

Kerajaan akan awasi kesan kenaikan gaji — Dr. M

KUALA LUMPUR, Khamis — Kerajaan akan meneliti kesan-kesan kenaikan gaji baru dari masa ke semasa bagi memastikan kadar inflasi di negara ini tidak meningkat.

Demikian ditegaskan oleh Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad dalam sidang akhbar mengemukakan semakan gaji baru di sini, petang ini.

"Dalam hubungan ini, saya meminta kerjasama semua pihak terutama sebaran am untuk menerangkan sejas-jelasnya kepada rakyat dan pihak-pihak yang terlibat mengenai hasrat Kerajaan ini," katanya.

Datuk Seri Dr. Mahathir tidak menafikan kemungkinan setengah peniaga-peniaga menaikkan harga barang-barang yang mereka

jual untuk mengambil kesempatan dari kenaikan "gaji lumayan ini".

Katanya, banyak cara yang boleh diambil untuk menentang kenaikan harga itu.

Satu darinya ialah untuk mengawal beberapa jenis barang keperluan yang kini tidak termasuk dalam senarai barang-barang yang dikawal.

Selain dari itu, katanya, rakyat, terutama

kakitangan-kakitangan Kerajaan yang mendapat habuan "murah hati" Kerajaan ini supaya berjimat dan tidak boros.

Gunakan gaji tambahan itu untuk keperluan tertentu dan simpan untuk masa depan," katanya.

Bagaimanapun, katanya, kenaikan barang-barang mewah tidak akan dikawal kerana barang-barang itu hanya

termampu oleh orang-orang yang berada.

Menjawab soalan bahawa harga mimamsu, seperti kopi, dan teh terut naik, Datuk Seri Dr. Mahathir berkata, kadar jualan mimamsu itu sama mengikut tempat-tempat minuman itu dijual.

"Oleh kerana itu agak sukar mimamsu seperti itu hendak dikawal. Cuma satu jalan, iaitu jangkan minum kopi di kedai," tambah beliau.

Sementara itu CUEPACS hari ini mengucapkan tahniah kepada Kerajaan atas semakan gaji bagi kakitangan Kerajaan dan mengalu-alukan tanggajaji baru itu.

Setiausaha Agungnya, Encik Jamaluddin Mohamed Isa, memberitahu CUEPACS gembira kerana Kerajaan mempertimbangkan memoramudumnya mengenai semakan gaji yang dikemukakan tahun lalu.

Jaminan

Beliau juga berkata, CUEPACS juga gembira dengan jaminan yang dibuat oleh Perdana Menteri, Datuk Hussein Onn bahawa quantum tanggajaji baru itu masih boleh dirundingkan melalui Majlis Kebangsaan Bersama yang tertentu.

Beliau berkata, Majlis Am CUEPACS akan bersidang esok bagi membincangkan semakan itu dengan lebih mendalam lagi.

Sebelum itu, Datuk Hussein menemui wakil-wakil dari kelima Majlis Kebangsaan Bersama dan menerangkan kepada mereka butir lanjut mengenai skim gaji baru itu.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia